



ISLAM MENGHARAMKAN PEMERINTAHAN TENTERA...DAN DEMOKRASI

Di saat umat Islam menyambut Ramadhan dan mula berpuasa pada hari Rabu lepas, kedatangan Ramadhan kali ini menyaksikan satu lagi tragedi menyayat hati di dunia Islam apabila berlakunya pertumpahan darah sesama kaum Muslimin di Mesir ekoran penggulingan Presiden Mursi oleh pihak tentera pada 3 Julai lalu. Setakat ini, sudah puluhan jiwa yang terkorban yang kebanyakannya dilaporkan di pihak penyokong Mursi. Pihak tentera telah membuat beberapa pengisytiharan termasuklah melantik hakim Adly Mansour sebagai presiden sementara. Adly Mansour telah berikrar akan mengadakan pilihan raya baru awal tahun depan dan melantik pakar ekonomi, Hazem al-Beblawi sebagai Perdana Menteri dan bekas ketua agensi nuklear, Mohamed ElBaradei sebagai Naib Presiden. Piagam baru yang dibuat yang memberi lebih kuasa kepada presiden sementara itu, kini dikecam hebat dan telah memanas lagi keadaan yang tidak stabil di Mesir. Dalam pada itu, ramai pemimpin gerakan Islam di Mesir dan negara-negara Muslim lainnya menyeru agar dikembalikan demokrasi di Mesir. Manakala pada saat yang sama, puak sekular yang juga pro-demokrasi, sedang merayakan 'kemenangan' mereka dengan jatuhnya Mursi melalui penggulingan kuasa, yang sebelum ini dipilih melalui proses demokrasi! Lebih tidak mengejutkan, Barat yang mendakwa sebagai pejuang dan juara demokrasi, menyokong penggulingan kuasa yang tidak demokratik ini. Hal ini langsung tidak mengejutkan kerana selama berdekad sebelum ini pun, Baratlah yang menyokong dan memelihara si diktator Husni Mubarak yang tidak pernah mengenal erti demokrasi.

Apakah peristiwa yang berlaku di Mesir ini menunjukkan kegagalan politik Islam? Apakah pengajaran yang dapat diambil dari sini? Apakah perubahan sebenar yang diperlukan oleh umat Islam? Setelah kejatuhan Mubarak, masyarakat Mesir ternyata terpecah di dalam membincang dan menentukan kedudukan yang terbaik untuk Mesir. Malangnya, masyarakat yang sepatutnya meletakkan fokus kepada masalah 'sistem' apakah yang patut diterapkan, lebih memfokuskan kepada masalah pelantikan atau pertukaran ahli-ahli politik dan pemerintah yang baru. Akhirnya, sistem sekular (yang bertentangan dengan Islam) yang sedia ada di Mesir, yang diwarisi dari Barat, tidak tersentuh sedikit pun. Oleh yang demikian, walaupun gerakan Islam berjaya naik ke tampuk kekuasaan, tetapi ternyata 'Islam' tidak berkuasa. Sistemnya tetap sama iaitu sistem sekular dan kesudahannya juga tetap sama iaitu ketidakpuasan, kesempitan hidup, penindasan dan segala bentuk ketidakadilan dan kecurangan terus berlaku. Hal ini sememangnya dapat diduga dengan mudah kerana masalah asas/pokok (yakni 'sistem') tidak diselesaikan, maka lahirlah dan kekalah segala bentuk masalah cabang yang semakin hari semakin memburuk. Selain itu, apa yang berlaku juga membuktikan kegagalan dan rosaknya idea sesetengah gerakan Islam yang ingin menerapkan Islam secara *tadarruj* (bertahap) dengan 'mengambil alih kekuasaan' dari puak sekular dan menerapkan Islam sedikit demi sedikit dalam bingkai demokrasi! Ternyata Islam tidak pernah dapat diterapkan secara *tadarruj* di dalam demokrasi, sebaliknya Islamlah yang sering dijadikan korban oleh mereka yang ingin bertadarruj!

Sungguh aneh dengan gerakan Islam yang melaungkan demokrasi, kerana hal yang sama juga dilaungkan oleh golongan sekular. Malah, di saat golongan sekular menyerukan penolakan syariah dan Khilafah sebagai penyelesaian, ada sesetengah kelompok Islam pula menyatakan bahawa syariat Islam tidak akan diterapkan selagi orang-orang kafir/sekular tidak faham dan tidak setuju. Malah ada yang menyatakan bahawa Khilafah adalah tidak praktikal atau khayalan. Meskipun mereka sayangkan Islam, malangnya mereka tetap mengambil solusi selain dari Islam. Akhirnya, apabila Allah memberikan kekuasaan kepada mereka, ya mereka menjadi berkuasa tetapi mereka tidak menjadikan 'Islam' berkuasa. Mereka lupa bahawa kekuasaan itu adalah amanah dari Allah untuk kita menerapkan hukum-hukumNya.

Islam Mengharamkan Pemerintahan Tentera

Pemerintahan (kekuasaan) dalam Islam itu merupakan pelayanannya kepada rakyat berdasarkan hukum syarak. Pemerintahan Islam bukan pemerintahan tentera. Oleh kerana itu, tentera dalam negara Islam bukan untuk melayani dan mengendalikan urusan rakyat. Ertinya, tentera itu tidak identik dengan pemerintahan, sekalipun adanya tentera, pembentukannya, pengendalian serta penyiapannya hanya boleh diwujudkan dengan adanya pemerintahan. Tentera merupakan manifestasi kekuatan fizik, yang tercermin dalam angkatan bersenjata (termasuk di antaranya adalah polis) di mana penguasa akan memanfaatkannya untuk menerapkan hukum-hukum syarak serta sebagai ancaman kepada para pelaku kejahatan dan orang-orang fasik. Tentera itu boleh dimanfaatkan untuk menundukkan orang-orang yang keluar (memberontak) dari kekuasaan negara Islam serta untuk menyeret para *bughat* (pemberontak) ke muka pengadilan. Seorang penguasa akan menggunakan tentera sebagai alat untuk mempertahankan kekuasaan, serta menjaga konsep dan pemikiran yang menjadi landasan kekuasaan tersebut, termasuk untuk mengembangkan konsep dan pemikiran itu ke luar negeri. Kesimpulannya, sesungguhnya pemerintahan itu tidak identik dengan tentera, sekalipun pemerintahan itu tidak akan mungkin boleh bertahan selain dengan adanya tentera. Begitu pula tentera tidak identik dengan

pemerintahan, sekalipun tentera tidak akan mungkin terwujud selain dengan adanya pemerintahan.

Oleh itu, pemerintahan tidak boleh berubah menjadi tentera, sebab kalau pemerintahan itu telah berubah menjadi tentera, maka pelayanannya kepada rakyat itu jelas akan rosak. Ini kerana konsep dan standardnya telah berubah menjadi konsep dan standard autoritatif dan kediktatoran, bukannya konsep dan standard pelayanannya kepada rakyat. Begitu pula pemerintahannya, telah berubah menjadi pemerintahan tentera, yang hanya akan melahirkan ketakutan, kediktatoran dan pertumpahan darah. Sebagaimana pemerintahan itu tidak boleh berubah menjadi tentera, maka tentera itu juga tidak boleh berubah menjadi pemerintahan. Sebab, dengan begitu akan menyebabkan kehancuran dan keruntuhan serta akan melahirkan kerisauan dan ketakutan, bahkan boleh membawa umat ke dalam jurang masalah yang amat dalam. Maka, semuanya itu merupakan ancaman yang sangat serius bagi rakyat. Pemerintahan tentera di negeri-negeri Arab dan Islam adalah contoh yang paling tepat untuk menggambarkan bentuk pemerintahan ini.

Dari sini, maka amat jelas bahawa pemerintahan dalam Islam itu bukan pemerintahan tentera. Dan sama sekali tidak diperbolehkan menjadi pemerintahan tentera. Ini kerana, pemerintahan tentera itu sangat berbahaya bagi kaum Muslimin serta bertentangan dengan hukum-hukum syarak, bahkan bertentangan dengan kaedah *fiqh*, "*Tidak boleh ada bahaya dan ancaman (di dalam Islam)*" [Nidzamal Hukmi Fil Islam, Abdul Qadim Zallum, penyempurnaan kepada karya Taqiyuddin an-Nabhani]

Berdasarkan nas-nas yang jelas, pemerintahan Islam ialah Khilafah, bukannya tentera dan bukan juga demokrasi. Khilafah, bukan sekadar sebuah kewajipan daripada Allah dan RasulNya, malah telah terbukti

HIZBUT TAHRIR MALAYSIA (HTM)

mengucapkan

SELAMAT BERPUASA

menjadi sistem pemerintahan Islam yang menerapkan hukum Allah selama lebih 1300 tahun. Khilafahlah satu-satunya sistem yang wajib diperjuangkan dan diterapkan oleh umat Islam. Khilafahlah yang telah mempersatukan umat Islam di seluruh dunia di bawah satu bendera. Khilafahlah yang telah meletakkan umat Islam di puncak ketamadunan dan menjadi cahaya kepada dunia. Khilafahlah yang telah menjadikan umat Islam sebagai umat yang mulia. Justeru, untuk mengembalikan umat Islam kepada kemuliaan yang pernah dikecapinya satu ketika dulu, untuk mengalahkan musuh-musuh Islam, untuk membebaskan umat Islam dan tanah kaum Muslimin dari cengkaman musuh, untuk kembali mempersatukan umat Islam di seluruh dunia dan untuk kembali menjadi *super power* dunia, maka tidak lain tidak bukan, umat Islam hendaklah berjuang untuk menegakkan semula Khilafah, yang *Insy Allah* tidak lama lagi akan berdiri kembali.

[Berikut adalah terjemahan *nasyrah* yang dikeluarkan oleh Hizbut Tahrir Mesir rentetan penggulingan presiden Mursi]

Bismillahirrahmanirrahim

Rampasan Kuasa Tentera Terhadap Demokrasi Yang Penuh Khayalan

Petang semalam 03/07/2013 Jeneral Abdul Fattah As-Sisi, Menteri Pertahanan Mesir telah mengumumkan apa yang dipanggilnya sebagai 'pelan masa depan' negara. Pelan tersebut meliputi pengantungan kerja yang selari dengan perlembagaan untuk sementara waktu, pemecatan presiden yang telah dilantik, mengadakan pilihan raya presiden lebih awal, ketua mahkamah perlembagaan akan menjalankan hal-ehwal negara di sepanjang tempoh peralihan sehinggalah presiden baru dilantik dan ketua mahkamah tinggi perlembagaan mempunyai hak untuk mengeluarkan pengisytiharan perlembagaan di sepanjang tempoh peralihan tersebut. Abdul Fattah juga memberi indikasi bahawa sebuah 'kerajaan nasional yang cekap' akan ditubuhkan di samping penubuhan sebuah jawatankuasa yang akan meneliti semua cadangan pindaan perlembagaan dan rayuan kepada mahkamah tinggi perlembagaan dalam memutuskan undang-undang berkenaan pilihan raya parlimen.

Dengan cara inilah tentera telah 'menjalankan' tugas mereka terhadap negara yang dikatakan sebagai demokratik dengan Mursi sebagai seorang 'pemerintah yang sah' yang mereka sendiri dakwa selama ini! Rampasan kuasa ini berlaku atas alasan bahawa pimpinan umum telah menolak "penyalahgunaan institusi nasional dan keagamaan negara di samping wujudnya intimidasi dan ancaman terhadap beberapa sektor masyarakat." Dengan apa yang mereka lakukan, di manakah pendirian mereka terhadap demokrasi yang selama ini bermain di bibir mereka? Di manakah demokrasi yang mereka katakan selama ini, setelah mereka menutup semua rangkaian televisyen yang bersifat Islamik? Di manakah demokrasi yang mereka katakan selama ini, setelah mereka memburu ratusan tokoh-tokoh Muslim?

Dengan apa yang berlaku ini (rampasan kuasa), tanpa sedikit pun keraguan, semuanya menunjukkan bahawa pihak yang memegang kekuasaan sebenar dan efektif selama ini ialah pihak tentera! Presiden dan kelompoknya tidak lain hanyalah sebagai boneka yang hanya berada di bawah kawalan tentera dan di belakang tentera ini wujud pula kepala kekufuran, Amerika Syarikat, yang boleh menggerakkannya (tentera Mesir) pada bila-bila masa yang ia (Amerika) mahu. Dengan apa yang berlaku ini juga, ia menjadi bukti yang jelas lagi nyata bahawa adalah suatu yang mustahil untuk membawa Islam ke tampuk pemerintahan melalui jalan demokrasi dan pilihan raya dalam sistem sekular yang wujud hari ini. Nampaknya kelompok Islam seolah-olah tidak pernah belajar daripada apa yang telah terjadi ke atas *Front Islamic Salvation* (FIS) di Algeria. Kita harapkan agar dengan apa yang berlaku di Mesir ini dan buat kali terakhir, kelompok Islam yang berjuang atas landasan demokrasi akan sedar hakikat dan kebenaran ini.

Amerika hakikatnya telah memanfaatkan pengalaman pahit umat ini bagi para penyeru yang mereka (AS) sebut sebagai golongan 'Muslim Moderat' untuk memberikan imej negatif ke atas Islam dengan

menggambarkan bahawa kelompok Islami telah gagal mentadbir negara, walhal sebenarnya, kelompok ini tidak menerapkan Islam pun dan kelompok ini tidak pun memegang kekuasaan sebenar di wilayah yang berkenaan. Jadi AS menggunakan kelompok ini untuk kepentingan mereka di mana akibat dari apa yang berlaku, telah terwujud gambaran bahawa 'rakyat melepaskan diri dari pemerintahan Islam' dan gambaran ini telah mempengaruhi sebahagian dari penduduk Mesir. Justeru, kaum Muslimin perlu memahami bahawa hanya ada satu sahaja cara untuk menerapkan hukum Islam dan tidak ada cara yang lain. Satu-satunya cara tersebut ialah dengan mengikuti *thariqah* (jalan) yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW tidak pernah terlibat di dalam pemerintahan Jahiliyyah yang korup atau menerima pemerintahan yang bersifat separa di mana Islam tidak dapat diterapkan sepenuhnya kerana semua ini bertentangan dengan Islam.

Wahai kaum Muslimin! Kita hendaklah sentiasa bersabar dan istiqamah dalam perjuangan sehinggalah *nusrah* (pertolongan) datang sepenuhnya dan kita hendaklah berjuang siang dan malam di tengah-tengah umat untuk membentuk *ra'yul am* (pandangan umum / *public opinion*) di kalangan umat yang didasarkan kepada *wa'yul am* (kesedaran umum) terhadap kewajipan menerapkan hukum syarak secara *kaffah* di dalam bingkai Negara Khilafah. Hal ini hanya akan terjadi melalui jalan perjuangan intelektual dengan mendakwahkan pemikiran Islam yang benar yang mencabar pemikiran kufur, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Sebaliknya, hal ini tidak akan terjadi dengan jalan mencairkan (mengorbankan) pemikiran Islam dan cuba mengharmonikannya ke dalam pemikiran kufur.

Kifahu siyasi (perjuangan politik) juga mesti dilakukan dalam rangka membongkar rancangan dan konspirasi jahat terhadap Islam dan kaum Muslimin, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Hal ini (pembongkaran konspirasi) tidak akan terjadi dengan jalan bermanis muka, memuji atau berjalan seiringan dengan pihak-pihak yang merupakan ejen Barat yang terdiri dari kalangan ahli politik, personaliti media atau golongan yang mendakwa diri mereka sebagai pemikir.

Demikianlah caranya bagaimana *ra'yul am* tentang syariah dan Khilafah perlu digerakkan, yang akan membuatkan orang-orang yang ikhlas dari kalangan *ahlul quwwah* (pihak yang mempunyai kekuatan) dalam tentera akan mengambil bahagian dan memposisikan diri mereka selaras dengan seruan (dakwah) ini. Ini kerana, merekalah (tentera) pihak yang benar-benar memiliki kekuatan, sebagaimana terbukti dengan apa yang dilakukan oleh Jeneral Abdul Fattah As-Sisi. Malangnya, dia telah memberikan pertolongannya kepada pihak yang tidak sepatutnya, malah yang tidak ada hak pun untuk diberi pertolongan! Sebaliknya dia berpaling daripada pihak yang berbesar hati terhadapnya, tanpa memberikan peluang kepada pihak tersebut untuk membentangkan misi sebenar yang lahir dari akidah umat ini.

Kami di Hizbut Tahrir, umpama pemimpin yang tidak akan menipu rakyatnya. Kami mengulangi pelawaan kami kepada mereka yang ingin melihat Islam dizahirkan secara utuh dalam Negara Islam (Negara Khilafah), untuk menyertai dan berjuang bersama kami menegakkan Negara Khilafah dengan *thariqah* yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Ini kerana, inilah satu-satunya jalan yang akan membebaskan warga Mesir dan kesemua wilayah Muslim lainnya, bahkan seluruh dunia, daripada penindasan, pergaduhan, pertelingkahan dan kebencian antara satu sama lain. Manusia, sama ada Muslim mahupun bukan, akan hidup di bawah naungan negara ini (Khilafah) dengan penuh kebaikan. Negara ini (Khilafah) telah menjadi cahaya petunjuk kepada dunia, menjadi bunga yang mekar lagi harum kepada dunia dan menyinari dunia selama lebih dari 13 abad.

"Dan Kami hendak memberi kurnia kepada orang-orang yang tertindas di bumi (Mesir) itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (bumi)" [TMQ al-Qasas (28):5].

Sharif Zayed
Ketua, Pejabat Media
Hizbut Tahrir Wilayah Mesir
Khamis 25 Syaaban 1434 / 4 Julai 2013